

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN
BERASASKAN WEB

KOD KURSUS : DAT 32403

PROGRAM : 2 DAT

TARIKH PEPERIKSAAN : JUN/JULAI 2015

MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : (A) JAWAB SEMUA SOALAN.
(B) JAWAB SEMUA SOALAN.
(C) JAWAB DUA (2) SOALAN
SAHAJA.

KERTAS SOALAN INI TERDIRI DARIPADA SEMBILAN (9) MUKASURAT

SULIT

BAHAGIAN B

- S2** Antaramuka di dalam **Rajah S2** adalah borang yang digunakan oleh penduduk sekitar Parit Raja untuk membuat penempahan dewan dengan Majlis Perbandaran Parit Raja.
- (a) Tulis skrip HTML untuk mencipta antaramuka bagi borang "Permohonan Menyewa Dewan Majlis Perbandaran Parit Raja " berpandukan reka bentuk antaramuka di dalam **Rajah S2**.
(20 markah)
- S3**
- (a) Takrifkan maksud laman web dinamik.
(1 markah)
- (b) Berikan **DUA (2)** perbezaan antara laman web statik dan dinamik.
(4 markah)
- (c) Jelaskan fungsi *PHPMyAdmin*.
(2 markah)
- (d) Berikan **TIGA (3)** contoh laman web dinamik.
(3 markah)
- S4**
- (a) Terdapat 5 fasa pembangunan laman web dinamik. Nyatakan fasa-fasa berikut.
(5 markah)
- (b) **Rajah S4 (b)** adalah seni bina 3-aras untuk pembangunan laman web dinamik. Bincangkan fungsi setiap aras, dan berikan contoh-contoh perisian yang sesuai digunakan dalam setiap aras.
(5 markah)

BAHAGIAN C

- S5 (a) Hasilkan skrip PHP yang akan menerima 2 pembolehubah integer daripada pengguna melalui borang data HTML seperti di dalam **RAJAH S5 (a)**. Skrip tersebut akan dapat memproses data yang diberikan oleh pengguna dan memaparkan hasil pertambahan kedua-dua integer tersebut. Paparan terakhir skrip PHP mesti mengandungi ayat berikut “ Nilai pertambahan nombor pilihan anda ialah : _____”. Sila rujuk **Rajah S5 (a)** bagi melihat borang data HTML untuk perolehan data.
(5 markah)
- (b) Berdasarkan **Rajah S5 (b)**, berikan output bagi aturcara tersebut.
(4 markah)
- (c) Senaraikan **DUA (2)** jenis *selector* yang biasa digunakan di dalam skrip CSS.
(2 markah)
- (d) Senibina 3 aras dalam masa –nyata melibatkan penggunaan komponen-komponen seperti PHP, pangkalan data, IIS, HTML, SQL, HTTP dan lain-lain lagi. Ilustrasikan penggunaan komponen-komponen tersebut menggunakan gambarajah senibina 3-aras dalam masa-nyata.
(4 markah)
- S6 (a) Senaraikan **DUA (2)** jenis ralat bagi bahasa pengaturcaraan PHP yang pelajari .
(2 markah)
- (b) Berdasarkan **Rajah S6 (b)** di atas, berikan output bagi aturcara tersebut.
(4 markah)
- (c) Hasilkan skrip CSS bagi membolehkan ketiga-tiga elemen HTML yang mempunyai tag <h1>, <h2> dan <p> mempunyai gaya dan rekabentuk seperti pernyataan yang diberikan dalam **Rajah S6 (c)** di atas.
(5 markah)
- (d) Berikut diberikan senarai komponen-komponen utama stail antaramuka HTML bagi laman web Kolej Tun Fatimah yang boleh dibuat menggunakan skrip CSS.

Komponen 1 (Banner):

Ketinggian adalah 15% dan lebar adalah 100%. Latar belakang merupakan satu imej yang diberi nama silver.jpg. Terdapat latar belakang imej yang dipanggil silverright.jpg di bahagian sudut kanan dan silverleft.jpg dibahagian sudut kiri. Ia juga mengandungi teks "Selamat datang ke Kursus Pengaturcaraan Web DAT32403" yang ditulis dalam tag h1 serta bewarna biru, dan sejajar di sebelah kanan.

Komponen 2 (Menu):

Menu mendarat yang mengandungi empat item yang bernama Rumah, Pelajar Felo dan Aduan. Setiap item bersempadan dengan menggunakan garis merah pejal. Latar belakang pula berwarna biru gelap. Apabila setiap item diletakkan penunjuk tetikus, teks item akan digariskan.

Lakarkan paparan halaman web Kolej Tun Fatimah berdasarkan penjelasan yang diberikan di atas.

(4 markah)

- S7 (a) Tatasusunan boleh menyimpan satu atau beberapa nilai di dalam satu pembolehubah tunggal. Setiap atribut di dalam tatasusunan akan diberikan ID tersendiri supaya ia boleh diakses dengan mudah.

Senaraikan **DUA (2)** jenis tatasusunan yang telah anda pelajari.

(2 markah)

- (b) Berdasarkan **Rajah S7 (b)**, berikan output bagi aturcara tersebut.

(4 markah)

- (c) Dengan anggapan bahawa syarikat AdiaruzAdnilsa Sdn. Bhd mempunyai pangkalan data dengan ip bernombor 121.10.10.1. Nama pangkalan data yg diberikan adalah adiaruzadnilsa dan nama jadual adalah pekerja. Anda juga telah diberikan id pengguna "pentadbir" dengan katalaluan "abc1234".

Hasilkan kod PHP untuk berhubung dengan pangkalan data tersebut.

(5 markah)

- (d) Berikut diberikan senarai komponen-komponen utama stail antaramuka HTML bagi laman web Kolej Tun Fatimah yang boleh dibuat menggunakan skrip CSS.

Komponen 3 (Tajuk):

Ia adalah sebuah segiempat tepat berwarna kelabu mengandungi teks ADUAN berwarna putih serta mengandungi imej (dinamakan sebagai up.jpg) yang terletak di sebelah kanan atas.

Komponen 4 (Fasiliti Kolej):

Komponen ini terdiri daripada empat senarai bertanda iaitu Aduan Asrama, Aduan Pengangkutan, Aduan Fasiliti dan Aduan Sosial. Setiap daripada mereka menggunakan gambar yang dipanggil leftarrow.jpg. Warna fon adalah kuning.

Komponen 5 (Footer):

Segiempat panjang berwarna putih yang bersempadan dikelilinginya dengan garis pejal berwarna merah. Terdapat teks "HAK CIPTA TERPELIHARA" berwarna kelabu. Teks dalam segi empat tepat ini ditulis menggunakan fon berjenis Serif

SULIT

DAT 32403

dan bersaiz 20px.

Lakarkan dengan jelas bagaimana rupa akhir laman web Kolej Tun Fatimah berdasarkan penjelasan yang diberikan diatas.

(4 markah)

- SOALAN TAMAT-

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER SESI : SEM II / 2014/2015

PROGRAM : 2 DAT

NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN BERASASKAN WEB

KOD KURSUS : DAT 32403

**PERMOHONAN MENYEWAWAN DEWAN MAJLIS
PERBANDARAN PARIT RAJA.**

MAKLUMAT PEMOHON

Nama : Alamat :
Sila tulis alamat yang lengkap
beserta poskod.No. Telefon : No. Fax :

SENARAI DEWAN (Sila tandakan ✓ dalam kotak yang berkaitan)

- | | |
|--|--|
| <input type="checkbox"/> Dewan Tun Razak | <input type="checkbox"/> Dewan Seri Bahagia |
| <input type="checkbox"/> Dewan Seri Mentakab | <input type="checkbox"/> Dewan Seri Semantan |

Tarikh Penggunaan :

SENARAI PERALATAN :

Meja Bulat	▼
Kerusi Banquet	
Meja Panjang	
Kanopi	

HANTAR TEMPAHAN

BATAL

**RAJAH S2 : BORANG PERMOHONAN MENYEWAWAN DEWAN MAJLIS
PERBANDARAN PARIT RAJA**


PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER SESI : SEM II / 2014/2015

NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN BERASASKAN WEB

PROGRAM : 2 DAT

KOD KURSUS : DAT 32403

**RAJAH S4 (b) : SENIBINA 3-ARAS**

Masukkan dua nombor pilihan anda di dalam kotak di bawah :

Nilai pertambahan nombor pilihan anda ialah : 8

RAJAH S5 (a) : ANTARAMUKA BORANG DATA HTML (NOMBOR PILIHAN)

```
<?php
$intA = 12; intB = 14;

$intC=$intA+$intB;
echo "<p>Nilai Baru Integer C ialah : $intC</p>";
$intA += $intB;
echo "<p>1 + $intB = $intA</p>";
$intA = 14;
$intA /= $intB;
echo "<p>2 / $intB = $intA</p>";
$intB = 15;
$intA *= $intB;
echo "<p>3 x $intB = $intA</p>";
?>
```

RAJAH S5 (b) : ATURCARA PHP

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER SESI : SEM II / 2014/2015

NAMA KURSUS : PENGATURCARAAN BERASASKAN WEB

PROGRAM : 2 DAT

KOD KURSUS : DAT 32403

```

<?php
$intA = 10;
$intB = 5;

$intA += $intB;
echo "<p>10 + $intB = $intA</p>";
$intA *= $intB;
echo "<p>10 X $intB = $intA</p>";
$intA /= $intB;
echo "<p>10 / $intB = $intA</p>";
$intA %= $intB;
echo "<p>10 % $intB = $intA</p>";
?>

```

RAJAH S6 (b) : ATURCARA PHP

```

<html>
<head>
</head>
<body>
<h1>Tajuk ini mempunyai latarbelakang berwarna kuning dan tulisan
berwarna hitam</h1>
<h2> Tajuk ini mempunyai tulisan berwarna putih dan latarbelakang
berwarna merah </h2>
<p>Perenggan in mempunyai latarbelakang berwarna merah jambu dan
berjajar dibahagian kanan.</p>
</body>
</html>

```

RAJAH S6 (c) : ATURCARA HTML

```

<?php
$strName = "ZURAIDA IBRAHIM";
$intLetter = 0;
echo "<table border = '1' width = '300'>";
echo "<tr align='center'>";
for ($intLetter=0;$intLetter<8;$intLetter++)
    echo "<td>$intLetter</td>";
echo "</tr>";
echo "<tr>";
for ($intLetter=0;$intLetter<8;$intLetter++)
    echo "<td align='center'>" . $strName{$intLetter} .
"</td>";
echo "</tr>";
echo "</table>";
?>

```

RAJAH S7 (b) : ATURCARA PHP